

PERSEPSI TAHAP KESELAMATAN JENAYAH BUKAN FIZIKAL DALAM KALANGAN BELIA

Mohd Azmir Mohd Nizahⁱ, Afi Roshezry Abu Bakarⁱⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden), Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

azmirmizah@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Jabatan Kewartawanan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman, Jalan Universiti, Bandar Barat, 31900 Kampar, Perak. afi@utar.edu.my

Abstrak

Tahap keselamatan jenayah bukan fizikal semakin meningkat, terutama dalam waktu pandemik ini. Ia semakin parah apabila melibatkan anggota keselamatan sendiri. Persepsi negatif boleh mewujudkan keadaan yang tidak stabil bagi sesebuah negara. Oleh yang demikian, makalah ini akan mengkaji persepsi belia terhadap tahap keselamatan jenayah bukan fizikal. Kajian menggunakan Model Kepercayaan Kesihatan sebagai kerangka kajian. Metodologi kajian kuantitatif digunapakai dengan pendekatan survei terhadap 412 orang responden secara rawak mudah. Kajian mendapati responden merekodkan persepsi tidak selamat yang tinggi (89.7%) dalam konstruk persepsi keselamatan dan merekodkan antara 57.9% hingga 98% kebimbangan dalam konstruk kebimbangan keselamatan. Kesimpulannya ialah, belia mempunyai persepsi keselamatan yang negatif serta mempunyai kebimbangan yang sangat tinggi terhadap insiden dan isu keselamatan yang telah berlaku. Tindakan reaktif dan prokatif perlu diambil dalam kadar yang segera serta tuntas kerana persoalan keselamatan bukan sahaja menyumbang kepada kemakmuran negara, malahan menyumbang kepada kestabilan emosi dan psikologi belia sendiri.

Kata kunci: *integriti; ketenteraman awam; politik; belia*

PENDAHULUAN

Keperluan keselamatan adalah sangat penting. Teori Hirarki Maslow yang klasik sering menjadi sandaran dalam perbincangan dalam kajian sains sosial. Keselamatan yang merupakan asas kedua terpenting selepas keperluan fisiologi memberi penekanan yang sangat jelas terhadap keperluan keselamatan. Oleh yang demikian, tahap keselamatan perlu dikenalpasti agar tindakan pencegahan jenayah dapat dibuat bagi menjamin keselamatan yang lebih baik.

Dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia, keselamatan awam adalah berkait rapat dengan pencegahan jenayah. Kadar jenayah yang tinggi membuatkan wujudnya perasaan ketakutan. Perasaan ketakutan memberi persepsi bahawa tahap keamanan dan keselamatan sesebuah negara adalah lemah. Ini adalah ukuran atau barometer yang seringkali dirujuk dalam kebanyakan negara. Ukuran terhadap tahap keselamatan dibuat dengan pelbagai cara. Antara metodologi yang sering menjadi

rujukan ialah melalui soal selidik. Melalui metodologi ini, isu-isu semasa berkaitan tahap keselamatan dapat dipastikan, seterusnya diformulasikan pelan tindakan.

Kadar jenayah yang meningkat di Malaysia sebenarnya menggusarkan rakyat dan mengancam ketenteraman awam. Ini terbukti apabila data daripada Laporan Indeks Jenayah 2021 Asia Tenggara oleh Numbeo.com, sebuah agensi penyelidikan yang berpangkalan di Serbia, mendapati Malaysia berada yang teratas dalam senarai negara ASEAN ¹. Graf di bawah merupakan petikan dapatan daripada laporan tersebut.

Select date:

Select display column:

[More information about these indices](#)

Rank	Country	Crime Index	Safety Index
1	Malaysia	57.89	42.11
2	Cambodia	51.22	48.78
3	Myanmar	47.17	52.83
4	Indonesia	46.23	53.77
5	Vietnam	46.09	53.91
6	Philippines	42.16	57.84
7	Thailand	39.38	60.62
8	Singapore	32.98	67.02
9	Brunei	28.03	71.97

Showing 1 to 9 of 9 entries

Graf 1: Laporan Kedudukan Indeks Jenayah 2021 Bagi Negara Asia Tenggara
Sumber: numbeo.com

Laporan ini sangat membimbangkan. Ini kerana indeks ini turut menyenaraikan jenayah fizikal serta jenayah bukan fizikal seperti rasuah, korupsi, ancaman seksual bukan fizikal, komersial, penipuan dan siber. Walaupun terdapat beberapa laporan

¹ NUMBEO, "South-Eastern Asia: Crime Index by Country 2021."

dalam negara menyatakan indeks jenayah menurun^{2 3} atau pun menaik^{4 5 6 7} namun kebanyakan analisa tersebut merujuk kepada laporan dan kes yang telah direkodkan. Manakala instrumen yang diguna oleh numbeo.com adalah merujuk kepada persepsi dan perasaan ketakutan.

Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan persepsi belia terhadap tahap keselamatan akibat jenayah bukan fizikal, yang berbeza dengan dapatan-dapatan sebagaimana yang telah dirujuk. Ini penting kerana dalam kerangka Model Kepercayaan Kesihatan, terdapat korelasi antara persepsi dan perkara yang sebenarnya berlaku. Dalam konteks ekonomi, ia sebenarnya memberi impak negatif terhadap perkembangan sosial dan ekonomi negara secara amnya.

Model Kepercayaan Kesihatan

Model Kepercayaan Kesihatan ialah model yang popular dan secara umumnya dipercayai dan diterima kerana mempunyai kuasa prediktif yang sangat tinggi^{8 9 10 11}. Model HBM adalah panduan teoretikal dalam memahami kegagalan orang awam mematuhi strategi pencegahan penyakit. Ia merupakan model yang dikembangkan pada tahun 1950 oleh pengamal psikologi sosial Perkhidmatan Kesihatan Awam Amerika Syarikat. HBM dibangunkan daripada teori psikologi tingkah laku dengan asas bahawa terdapat dua komponen tingkah laku yang berkaitan dengan kesihatan. Pertama, keinginan untuk mengelakkan penyakit, atau keinginan untuk sembuh daripada penyakit. Kedua, kepercayaan bahawa tindakan kesihatan tertentu dapat mencegah, atau menyembuhkan penyakit. HBM mempunyai beberapa komponen penting untuk memberikan kerangka penjelasan berkaitan bagaimana individu

² BERNAMA, "COVID-19: Indeks Jenayah Malaysia Turun 70 Peratus."

³ Dass, "Crime Trends and Patterns in Malaysia."

⁴ BERNAMA, "Kes Jenayah Komersial Seluruh Negara Meningkat."

⁵ Hakim et al., "Violent Crime Datasets: Incidence and Patterns in Malaysia from 2006 to 2017."

⁶ Nawawi, "Kes Pedofilia Bertambah."

⁷ Rosni, Wan Sulaiman, and Kamaluddin, "Ketakutan Terhadap Jenayah Dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Malaysia: Analisis Terhadap Faktor Penyumbang."


⁸ Barakat and Kasemy, "Preventive Health Behaviours during Coronavirus Disease 2019 Pandemic Based on Health Belief Model among Egyptians."

⁹ Christensen et al., "Health Belief Models."

¹⁰ Mohd Azmir Mohd Nizah, "Tahun Baru Dan Pemusnah Harapan."

¹¹ Shahnazi et al., "Assessing Preventive Health Behaviors from COVID-19: A Cross Sectional Study with Health Belief Model in Golestan Province, Northern of Iran."

mentafsir sesuatu keadaan dan sekaligus bertindak mengikut tafsiran tersebut^{12 13141516171819}.



Graf 2: Model Kepercayaan Kesehatan

Dalam konteks artikel ini boleh dikatakan persepsi terhadap risiko keselamatan. Terdapat banyak variasi dalam perasaan kerentanan seseorang terhadap keselamatan. Kedua ialah anggapan keterukan yang dirasakan yang merujuk kepada persepsi individu terhadap keseriusan jenayah yang berlaku (atau tiada kesan) terhadap diri. Terdapat banyak variasi persepsi keterukan ini, dan individu akan mempertimbangkan akibat dari segi kesukaran atau kesan akibat perbuatan jenayah bukan fizikal, seperti statistik yang meningkat dalam kalangan kakitangan awam serta anggota keselamatan sendiri. Variasi kedua persepsi keterukan ini ialah dari segi sosial (misalnya kehidupan keluarga, hubungan sosial serta persepsi awam) ketika menilai darjah keterukan¹⁹. Ketiga, ialah anggapan manfaat yang dirasakan iaitu

¹² Barakat and Kasemy, "Preventive Health Behaviours during Coronavirus Disease 2019 Pandemic Based on Health Belief Model among Egyptians."

¹³ Carico, Sheppard, and Thomas, "Community Pharmacists and Communication in the Time of COVID-19: Applying the Health Belief Model."

¹⁴ Costa, "Health Belief Model for Coronavirus Infection Risk Determinants."

¹⁵ Jose et al., "Public Perception and Preparedness for the Pandemic COVID 19: A Health Belief Model Approach."

¹⁶ Taylor et al., "A Review of the Use of the Health Belief Model (HBM), the Theory of Reasoned Action (TRA), the Theory of Planned Behaviour (TPB) and the Trans-Theoretical Model (TTM) to Study and Predict Health Related Behaviour Change."

¹⁷ Tong et al., "Adherence to COVID-19 Precautionary Measures: Applying the Health Belief Model and Generalised Social Beliefs to a Probability Community Sample."

¹⁸ Wong et al., "The Use of the Health Belief Model to Assess Predictors of Intent to Receive the COVID-19 Vaccine and Willingness to Pay."

¹⁹ Williams et al., "Explaining Users' Security Behaviors with the Security Belief Model."

merujuk kepada persepsi individu mengenai keberkesanan pelbagai tindakan yang ada untuk mengurangkan ancaman jenayah bukan fizikal atau untuk meningkatkan tahap keselamatan. Tindakan yang dilakukan untuk mencegah atau menghalang perbuatan atau elemen bergantung pada pertimbangan dan penilaian terhadap kerentanan yang dirasakan dan manfaat yang dirasakan, sehingga individu tersebut akan menerima tindakan kesihatan yang disyorkan jika dianggap bermanfaat. Ini juga bergantung kepada penilaian risiko dan dagangan keselamatan^{20 21}. Keempat, anggapan halangan yang dirasakan yang merujuk kepada perasaan individu terhadap halangan untuk melakukan tindakan keselamatan yang disyorkan. Terdapat banyak variasi dalam halangan perasaan seseorang, atau halangan yang menyebabkan mereka menganalisa kos atau faedah. Pertimbangan keberkesanan tindakan terhadap persepsi bahawa ia mungkin berisiko, berbahaya, tidak menyenangkan (contohnya ugutan), memakan masa atau menyusahkan.

Kelima, isyarat untuk bertindak yang merujuk kepada rangsangan yang diperlukan untuk memacu proses membuat keputusan untuk menerima tindakan keselamatan yang disyorkan. Petunjuk ini boleh bersifat dalaman (peranan agama, etika atau tanggungjawab) atau yang bersifat luaran (contohnya nasihat orang lain, anggota keluarga, artikel surat khabar, dan kerajaan). Keenam, keberkesanan diri yang merujuk kepada tahap keyakinan seseorang terhadap kemampuannya untuk berjaya melakukan sesuatu tingkah laku. Konstruk ini ditambahkan pada model terkini pada pertengahan 1980. Keberkesanan diri adalah konstruk dalam banyak teori tingkah laku kerana secara langsung ia berkait rapat dengan tingkah laku yang diinginkan²².

HBM dapat memberikan kerangka penjelasan terhadap persepsi keselamatan²³,²⁴. Akhir sekali, kesedaran bahawa etika, peranan agama, sumber maklumat yang sah, serta integriti sahaja yang mampu meningkatkan persepsi tahap keselamatan yang baik. Persepsi kepercayaan ini menyebabkan berlaku kes jenayah bukan fizikal meningkat. Kerangka teori HBM ini dapat memberi penjelasan bahawa perbuatan jenayah bukan fizikal berkait rapat dengan bagaimana kognitif menilai sesuatu situasi berdasarkan risiko dan perdagangan keselamatan seterusnya mengubah perlakuan masyarakat²⁵.

²⁰ Mohd Azmir Mohd Nizah, "Psikologi Keselamatan Sangat Penting Dalam Perjuangan Menentang Covid 19."

²¹ Schneider, "The Psychology of Security."

²² Williams et al., "Explaining Users' Security Behaviors with the Security Belief Model."

²³ Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar, and Wirawahida Kamarul Zaman, "Analisa Kes Ingkar Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 - Fasa 5 Semasa Pandemik Covid-19."

²⁴ Williams et al., "Explaining Users' Security Behaviors with the Security Belief Model."

²⁵ Mohd Azmir Mohd Nizah, "Mencakna Psikologi Keselamatan Dalam Waktu Pandemik."

Melalui perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa persepsi terhadap keselamatan boleh difahami dengan lebih baik apabila menggunakan kerangka HBM. Penulisan dalam konteks psikologi keselamatan banyak dibincangkan dalam aspek kesan, teknologi maklumat, media sosial dan juga keselamatan antarabangsa, tetapi masih lagi belum dijelaskan melalui kerangka ini. Kerangka HBM yang popular dan mempunyai kuasa prediktif yang tinggi boleh digunakan dalam mendalami tahap kesedaran masyarakat, terutamanya dalam konteks persepsi terhadap tahap keselamatan akibat peningkatan kadar jenayah bukan fizikal yang berlaku di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan mengaplikasikan pendekatan soal selidik. Satu set soalan dibangunkan berdasarkan faktor-faktor yang ada dalam kerangka Model Kepercayaan Kesihatan yang diubahsuai. Set soalan kemudian disebar dengan memohon belia yang berumur 18 hingga 25 tahun untuk menjawab soalan. Penyebaran set soalan adalah melalui format *google form*. Masa yang diambil ialah selama 21 hari bagi pengumpulan data. Data kemudian diekstrak ke dalam Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26. Data dianalisa melalui deskriptif dan rujuk silang.

DAPATAN KAJIAN

Berikut ialah dapatan hasil daripada kaji selidik yang telah dilakukan. Data yang dibentangkan adalah berbentuk deskriptif. Bagi tujuan makalah ini, 7 instrumen yang dibentangkan. Ia dibahagikan kepada dua konstruk, iaitu konstruk keselamatan dan konstruk kebimbangan.

1. Saya rasa tidak selamat akibat banyak kes jenayah terancang

	N	%
Sangat Tidak Setuju	6	1.5%
Tidak Setuju	5	1.2%
Neutral	51	12.6%
Setuju	134	33.0%
Sangat Setuju	210	51.7%

Sebanyak 84.7% responden mempunyai persepsi tidak selamat akibat terlalu banyak kes-kes yang dilaporkan akibat perbuatan jenayah terancang. Manakala hanya 2.7% sahaja yang mempunyai perasaan selamat akibat bilangan kes jenayah terancang yang meningkat.

2. Saya rasa tidak selamat dengan kakitangan kerajaan yang terlibat dengan jenayah terancang

	N	%
Sangat Tidak Setuju	1	0.2%
Tidak Setuju	6	1.5%
Neutral	36	8.9%
Setuju	127	31.3%
Sangat Setuju	236	58.1%

Manakala 89.4% responden menyatakan persepsi yang sangat negatif terhadap keselamatan mereka akibat perbuatan kakitangan kerajaan yang terlibat dengan jenayah terancang. Hanya peratus yang tidak signifikan, iaitu 1.7% menyatakan perasaan selamat walaupun kakitangan kerajaan sendiri terlibat dalam aktiviti jenayah terancang.

3. Saya bimbang saya boleh terjebak dengan kegiatan sindiket jenayah terancang kelak

	N	%
Sangat Tidak Setuju	34	8.4%
Tidak Setuju	44	10.8%
Neutral	93	22.9%
Setuju	99	24.4%
Sangat Setuju	136	33.5%

Manakala dalam konteks kebimbangan, sebanyak 57.9% merasa bimbang akan kebolehlibatkan atau boleh terjebak dalam kegiatan sindiket pada masa akan datang. Hanya 19.2% responden tidak mempunyai kebimbangan boleh terjebak dengan kegiatan sindiket jenayah terancang.

4. Jenayah terancang di sempadan negara mengancam kedaulatan negara.

	N	%
Tidak Setuju	1	0.2%
Neutral	17	4.2%
Setuju	83	20.4%
Sangat Setuju	305	75.1%

Selain daripada itu, sebanyak 95.9% responden menyatakan kebimbangan bahawa jenayah rentas sempadan sebenarnya mengancam kedaulatan negara. Ini dapat dilihat, apabila hanya 4.4% yang tidak bersetuju dan neutral dalam bersetuju dengan pernyataan tersebut.

5. "Macau Scam" mengancam tahap keselamatan negara

	N	%
Sangat Tidak Setuju	2	0.5%
Tidak Setuju	1	0.2%
Neutral	27	6.7%
Setuju	92	22.7%
Sangat Setuju	284	70.0%

Sebanyak 92.7% responden bersetuju dengan kebimbangan bahawa "Macau Scam" sebenarnya mengancam keselamatan negara. Ini dapat dilihat dengan perbezaan yang sangat jauh berbanding responden yang tidak mempunyai kebimbangan dengan jumlah 0.7%

6. Sindiket penipuan kad pengenalan mengancam kedaulatan negara

	N	%
Sangat Tidak Setuju	1	0.2%
Neutral	7	1.7%
Setuju	68	16.7%
Sangat Setuju	330	81.3%

Selain itu, 98% responden juga bimbang dengan aktiviti sindiket penipuan kad pengenalan yang boleh mengancam kedaulatan negara, berbanding dengan

responden yang tidak mempunyai pandangan negatif atau positif serta yang tidak mempunyai kebimbangan sebanyak 1.9%.

7. Sindiket penipuan paspot Imigresen mengancam keselamatan dalam negara

	N	%
Sangat Tidak Setuju	1	0.2%
Neutral	7	1.7%
Setuju	63	15.5%
Sangat setuju	335	82.5%

Sebanyak 98% responden juga bersetuju bahawa sindiket penipuan paspot imigresen juga mengancam keselamatan dalam negara. Peratus responden yang mempunyai tahap kebimbangan yang sama dalam semua konstruk kebimbangan adalah suatu aspek yang perlu diambil perhatian yang sangat tinggi.

PERBINCANGAN

Melalui dua konstruk iaitu keselamatan dan kebimbangan yang boleh dirujuk dalam aspek pertama dan kedua dalam Model Kepercayaan Kesihatan, responden dalam kajian ini menyatakan bahawa responden belia mempunyai persepsi yang negatif terhadap tahap keselamatan Malaysia. Tahap keselamatan ini bukanlah dalam bentuk ancaman fizikal seperti pencerobohan ataupun peperangan, tetapi lebih kepada aktiviti jenayah terancang tanpa fizikal. Ini boleh dilihat dalam laporan-laporan berkaitan isu daging tidak halal, pemalsuan kad pengenalan, pemalsuan pas dan visa pekerja, kemasukan pekerja asing secara haram, pemalsuan paspot imigresen, jumlah pendatang asing tanpa izin dan pelbagai lagi isu yang berlaku. Kedua-dua soalan ini boleh merumuskan bahawa belia mempunyai persepsi yang sangat negatif terhadap keselamatan mereka, dan berpotensi membawa kepada defisit kepercayaan dalam kalangan rakyat terhadap kerajaan. Ini boleh dijelaskan dengan dapatan responden terhadap soalan yang berikutnya.

Dalam konstruk kedua, iaitu berkaitan dengan kebimbangan, majoriti responden menyatakan perasaan bimbang terhadap kebolehterlibatan atau terjebaknya mereka kelak dalam aktiviti-aktiviti jenayah tanpa fizikal ini. Persepsi ini adalah amat membimbangkan kerana ia menterjemahkan kekusaran akan kewujudan sebuah sistem kerajaan yang teruk dan boleh membawa kepada ketidakupayaan kerajaan (*dysfunctional government*). Kes-kes yang dibongkar, apatah lagi di kala waktu Perintah Kawalan Pergerakan 1.0, 2.0 mahupun 3.0 yang jelas memberi indikator

negatif terhadap kawalan sempadan, kemasukan dan aktiviti dalam negara yang boleh menjejaskan tahap keselamatan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat.

Makalah ini hanya membincangkan dua konstruk dalam Model Kepercayaan Kesihatan, iaitu perasaan keselamatan dan kebimbangan keselamatan dalam usaha membentuk sebuah model baharu keselamatan yang dioleh daripada Model Kepercayaan Kesihatan.

KESIMPULAN

Makalah ini hanya membincangkan dua konstruk dalam model cadangan. Namun, berdasarkan dapatan kajian, persepsi belia terhadap keselamatan negara pada waktu ini adalah pada tahap yang membimbangkan, dengan wujud kebimbangan kebolehterlibatan belia dengan aktiviti jenayah terancang tanpa fizikal. Sesungguhnya, perlu ada tindakan segera dalam menambahbaik persepsi belia dalam konteks ini. Ini adalah kerana belia merupakan bakal kepimpinan negara pada masa hadapan, tetapi sebuah sistem yang lebih baik, telus dan tulus perlu ditambahbaik. Ini adalah cabaran mendatang yang harus diberi perhatian.

RUJUKAN

- Barakat, Ayah M., and Zeinab A. Kasemy. "Preventive Health Behaviours during Coronavirus Disease 2019 Pandemic Based on Health Belief Model among Egyptians." *Middle East Current Psychiatry* 27, no. 1 (2020). <https://doi.org/10.1186/s43045-020-00051-y>.
- BERNAMA. "COVID-19: Indeks Jenayah Malaysia Turun 70 Peratus." *Berita Harian Online*, April 7, 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/674126/covid-19-indeks-jenayah-malaysia-turun-70-peratus>.
- — —. "Kes Jenayah Komersial Seluruh Negara Meningkatkan." *Harian Metro*, April 12, 2021. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/04/694084/kes-jenayah-komersial-seluruh-negara-meningkat>.
- Carico, Ronald Ron, Jordan Sheppard, and C. Borden Thomas. "Community Pharmacists and Communication in the Time of COVID-19: Applying the Health Belief Model." *Research in Social and Administrative Pharmacy*. Elsevier Inc., January 1, 2021. <https://doi.org/10.1016/j.sapharm.2020.03.017>.
- Christensen, I.P., H.L. Wagner, M.S. Halliday, I.P. Christensen, H.L. Wagner, and M.S. Halliday. "Health Belief Models." In *Instant Notes Psychology*, 2020. <https://doi.org/10.1201/9781003059332-80>.
- Costa, Marcelo Fernandes. "Health Belief Model for Coronavirus Infection Risk Determinants." *Revista de Saude Publica* 54 (2020). <https://doi.org/10.11606/S1518-8787.2020054002494>.
- Dass, Rueben Ananthan Santhana. "Crime Trends and Patterns in Malaysia." Kyoto

- Review of Southeast Asia, 2019. <https://kyotoreview.org/trendsetters/crime-trends-and-patterns-in-malaysia/>.
- Hakim, Hashom Mohd, Hussein Omar Khan, Hafezul Helmi Hamzah, Mohammad Faiz Othman, Bryan Raveen Nelson, Geoffrey Keith Chambers, Hisham Atan Edinur, Mohd Tajuddin Abdullah, and Nur Syahmina Rasudin. "Violent Crime Datasets: Incidence and Patterns in Malaysia from 2006 to 2017." *Data in Brief* 26 (2019): 104449. <https://doi.org/10.1016/j.dib.2019.104449>.
- Jose, Regi, Meghana Narendran, Anil Bindu, Nazeema Beevi, Manju L, and P. V. Benny. "Public Perception and Preparedness for the Pandemic COVID 19: A Health Belief Model Approach." *Clinical Epidemiology and Global Health* 9, no. June 2020 (2021): 41–46. <https://doi.org/10.1016/j.cegh.2020.06.009>.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, . "Mencakna Psikologi Keselamatan Dalam Waktu Pandemi." *In Other Words*, April 2020.
- — — . "Psikologi Keselamatan Sangat Penting Dalam Perjuangan Menentang Covid 19." Malaysia: Negeri FM, Radio & Television Malaysia, 2020.
- — — . "Tahun Baru Dan Pemusnah Harapan." *Sinar Harian*. 2020.
- Mohd Azmir Mohd Nizah., Afi Roshezry Abu Bakar, and Wirawahida Kamarul Zaman. "Analisa Kes Ingkar Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 - Fasa 5 Semasa Pandemi Covid-19." *Jurnal Psikologi Keselamatan* 2 (2020): 83–92.
- Nawawi, Hafis. "Kes Pedofilia Bertambah." *Harian Metro*, 2021. <https://www.hmetro.com.my/utama/2021/02/670457/kes-pedofilia-bertambah>.
- NUMBEO. "South-Eastern Asia: Crime Index by Country 2021," 2021. https://www.numbeo.com/crime/rankings_by_country.jsp?title=2021®ion=035.
- Rosni, Farahah, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, and Mohammad Rahim Kamaluddin. "Ketakutan Terhadap Jenayah Dalam Kalangan Pelajar Universiti Di Malaysia: Analisis Terhadap Faktor Penyumbang." *Kajian Malaysia* 37, no. 2 (2019): 147–71. <https://doi.org/10.21315/km2019.37.2.7>.
- Schneier, Bruce. "The Psychology of Security." In *The Psychology of Security*. In: Vaudenay S. (Eds) *Progress in Cryptology – AFRICACRYPT 2008.*, 5023 LNCS:50–79. Berlin: Springer, 2008. https://doi.org/10.1007/978-3-540-68164-9_5.
- Shahnazi, Hossein, Maryam Ahmadi-Livani, Bagher Pahlavanzadeh, Abdolhalim Rajabi, Mohammad Shoaib Hamrah, and Abdurrahman Charkazi. "Assessing Preventive Health Behaviors from COVID-19: A Cross Sectional Study with Health Belief Model in Golestan Province, Northern of Iran." *Infectious Diseases of Poverty* 9, no. 1 (2020). <https://doi.org/10.1186/s40249-020-00776-2>.
- Taylor, David, Michael Bury, Natasha Campling, Sarah Carter, S. Garfield, Jenny Newbould, and Tim Rennie. "A Review of the Use of the Health Belief Model (HBM), the Theory of Reasoned Action (TRA), the Theory of Planned Behaviour (TPB) and the Trans-Theoretical Model (TTM) to Study and Predict Health Related Behaviour Change." *National Institute for Health and Clinical Excellence*, 2006.

- Tong, Kwok Kit, Juliet Honglei Chen, Eilo Wing yat Yu, and Anise M.S. Wu. "Adherence to COVID-19 Precautionary Measures: Applying the Health Belief Model and Generalised Social Beliefs to a Probability Community Sample." *Applied Psychology: Health and Well-Being* 12, no. 4 (2020). <https://doi.org/10.1111/aphw.12230>.
- Williams, Clay K., Donald Wynn, Ramana Madupalli, Elena Karahanna, and Barbara K. Duncan. "Explaining Users' Security Behaviors with the Security Belief Model." *Journal of Organizational and End User Computing* 26, no. 3 (2014): 23–46. <https://doi.org/10.4018/joec.2014070102>.
- Wong, Li Ping, Haridah Alias, Pooi Fong Wong, Hai Yen Lee, and Sazaly AbuBakar. "The Use of the Health Belief Model to Assess Predictors of Intent to Receive the COVID-19 Vaccine and Willingness to Pay." *Human Vaccines and Immunotherapeutics* 16, no. 9 (2020): 2204–14. <https://doi.org/10.1080/21645515.2020.1790279>.